



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit  
06550 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000  
Faks : 04-7001011/1068/1021  
Helpdesk : 04-7352849/4012  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj. Kami : ANM/KD/OPS/179 Jld.2 (10)  
Tarikh : 14 Februari 2022

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab**

Y. Bhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan

**SURAT EDARAN JANM KEDAH BIL.3 TAHUN 2022  
KAEDAH PENYELESAIAN BAGI GRN/FRN LEWAT DISEMPURNAKAN BAYARAN**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan (MPKA) Bil.3 Tahun 2021 mengambil maklum beberapa punca utama (*root cause*) GRN/FRN lewat disempurnakan bayaran oleh PTJ. Bagi JANM Kedah, terdapat beberapa GRN/FRN daripada beberapa PTJ gagal disempurnakan bayaran sehingga Penutupan Akaun Tahun 2021.

3. Sehubungan itu bagi meningkatkan prestasi pembayaran Kerajaan Persekutuan, berikut adalah kaedah penyelesaian bagi memastikan GRN/FRN sempurna dibuat bayaran:

BIL	PUNCA UTAMA (ROOT CAUSE)	KAEDAH PENYELESAIAN
i.	Kontrak diantara PTJ dengan pembekal lewat ditandatangani	a. PTJ perlu merujuk dan sentiasa membuat susulan dengan Kementerian b. Kementerian perlu memainkan peranan untuk memastikan kontrak diselesaikan dengan segera
ii.	Isu invois lewat dikemukakan oleh pembekal	a. PTJ perlu mengambil inisiatif untuk mengejar pembekal supaya mengemukakan invois segera b. PTJ memilih pembekal yang mempunyai rekod penghantaran invois yang segera setelah perkhidmatan/ bekalan/ kerja disempurnakan
iii.	Isu pembekal dalam proses pembaharuan sijil digital lesen Kementerian Kewangan / lesen tamat tempoh	a. PTJ disyorkan untuk memilih pembekal yang mempunyai tempoh lesen Kementerian Kewangan yang mencukupi sehingga tarikh bayaran
iv.	Peruntukan tidak mencukupi	a. PTJ memastikan peruntukan mencukupi apabila bayaran pukal telah dilaksanakan (contoh: Peruntukan B0223203) b. Mendapatkan peruntukan tambahan dengan segera dan sentiasa membuat susulan dengan Kementerian

BIL	PUNCA UTAMA (ROOT CAUSE)	KAEDAH PENYELESAIAN
v.	Menunggu pembatalan invoice pembekal	a. PTJ diminta untuk meningkatkan kompetensi pegawai untuk mengambil tindakan proaktif dalam memastikan GRN/FRN disempurnakan bayaran dengan kadar segera.
vi.	Pegawai Pengesah telah mengesahkan penerimaan walaupun sebenarnya perkhidmatan/ barangan tersebut masih belum diterima/ perkhidmatan belum sempurna	

4. Kerjasama dan komitmen semua Jabatan dan PTJ berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

**“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 ”**

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

***“ Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul ”***

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(ROHANI BINTI CHE MIE C.A.(M) )**

Pengarah  
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
 Negeri Kedah Darul Aman